

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 OCTOBER 2016

Pembangunan 5 tahun lalu fasa permulaan

➔ Kerajaan pastikan lebih banyak projek dilaksana untuk manfaat rakyat

Oleh **Luqman Arif Abdul Karim**
luqman.arif@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak menyuarakan komitmen kemajuan direncana kerajaan dalam sektor pengangkutan awam ketika ini akan terus dipacu untuk manfaat orang ramai.

Malah, Perdana Menteri menyifatkan ledakan pembangunan sektor pengangkutan awam dalam tempoh lima tahun lalu adalah hanya fasa permulaan.

"Saya berjanji akan ada lebih banyak pembangunan dilaksanakan demi menaik taraf kualiti pengangkutan awam," katanya menerusi catatan di akaun Facebook rasminya, semalam.

Menerusi catatan sama, Najib turut memuat naik video disediakan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang diperlihatkan kepada orang ramai ketika Simposium Pengangkutan Awam Darat, kelmarin.

Sementara itu, menerusi blog rasminya, NajibRazak.com, Perdana Menteri mengakui bahawa wujud banyak protes dan bantahan, malah pandangan disuarakan orang ramai seolah-olah kerajaan menganaktirikan industri teksi serta bertindak zalim terhadap mereka.

Katanya, semua tindakan dan keputusan kerajaan adalah untuk kepentingan perkhidmatan teksi negara supaya berdaya maju, tidak ketinggalan dan terus berada pada takuk lama.

Industri teksi penting

"Industri teksi memainkan peranan penting sebagai kaedah pengangkutan batuan pertama dan terakhir di Malaysia, malah menjadi pilihan utama penumpang yang mengutamakan masa perjalanan pantas serta perkhidmatan pintu ke pintu.

"Bagaimanapun, perkhidmatan teksi perlu kita pertingkatkan dengan menggunakan amalan perniagaan terkini serta sejajar dengan kemajuan teknologi.

"Selain itu, persepsi orang ramai

juga terjejas berikutan pelbagai isu akibat kelemahan dalam struktur perkhidmatan teksi, sekali gus mencetuskan ketidakpuasan pengguna terhadap kualiti perkhidmatan sedia ada," katanya.

Najib berkata transformasi perkhidmatan teksi adalah antara keutamaan SPAD sejak penubuhannya, justeru kerajaan mengenal pasti beberapa masalah yang membantutkan dan menyumbang kepada kekangan perkembangan industri berkenaan.

Model perniagaan lapuk

Beliau berkata, antara faktor terbahit adalah model perniagaan lapuk, kos pengendalian yang tinggi melebihi pendapatan, ketiadaan pengawasan berpusat dan cabaran daripada inovasi baharu seperti 'e-hailing'.

"Selain itu, persepsi umum yang tidak memuaskan serta kualiti pemandu dan pawaian kenderaan adalah beberapa faktor mempengaruhi industri perkhidmatan teksi.

"Sehubungan itu, pelbagai inisiatif kita laksanakan untuk membantu industri teksi mengatasi

rangkaiannya masalah ini dan meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi seiring Rancangan Transformasi Teksi.

"Ia merangkumi program Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1Ma), Teksi 1Malaysia (TEKS1M), Semakan Kadar Tambang 2015 dan Makmal Industri Teksi 2015," katanya.

Najib berkata, program TR1Ma



Semua tindakan dan keputusan kerajaan adalah untuk kepentingan perkhidmatan teksi negara supaya berdaya maju, tidak ketinggalan dan terus berada di takuk lama"

Najib Razak,
Perdana Menteri



**Keratan
akhbar BH,**
kelmarin.